

VALUES@CITRA

Bulletin of Centre for Internship Training and Academic enrichment (CITRA)



Valuable individuals of the society
Accountable team players
Life long learners
Universal minded graduates
Empathetic leaders
Socially responsible citizens

03-7967-5410

citra@um.edu.my


<https://citra.um.edu.my>

CITRA Universiti Malaya

CITRA Universiti Malaya



ISSN N 2735-1092



9 772735 109006

VALUES

Sidang Redaksi

Penasihat

Dr. Wendy Yee Mei Tien

Pengarah CITrA

Dr. Faezah Kassim

Timbalan Pengarah (Akademik)

Dr. Ponnalar N. Alagappar

Timbalan Pengarah (Latihan Industri)

Ketua Editor

Dr. Noor Ain Mat Noor

Editor

Dr. Fatimi Hanafi

Cik Nurhafizah Jafri

Puan Putri Harlinda Ibrahim

Sidang Pengarang

Dr. Wendy Yee Mei Tien

Dr. Rohana Mahmud

Dr. Irene Yong Seok Ching

Dr. Faezah Kassim

Dr. Fatimi Hanafi

Dr. Muhammad Shamshinor Abdul Azzis

Dr. Noor Ain Mat Noor

Dr. Wong Seng Yue

Dr. Ponnalar N. Alagappar

Encik Ahmad Rudin Gimam

Puan Nurfatihah Md Aziz

Puan Putri Harlinda Ibrahim

Cik Hartini Mohamed

Cik Nurhafizah Jafri

Cik Syaza Khairul Aswad

Konsep & Reka Bentuk

Dr. Noor Ain Mat Noor

Tugas-tugas Khas

Puan Rohaidah Md Saleh

Teknikal

Puan Norazlita Mohd Talib

ISI KANDUNGAN

Dari Meja Pengarah	1
Dari Meja Editor	2
Kreativiti, Bakat & Inovasi	
Hari Apresiasi STEM.....	3
UMCCC: UM Co-Curricular Carnival 2019.....	4
University Alliance in Talent Education Development (UAiTED)	
Consultation Meeting.....	7
Program Bersama UMCIC & Tee Ip Sdn. Bhd: "Mengenali Paten dan Hak Cipta".....	8
Komuniti & Bakti Sosial	
Program M.A.G.I.V.A.S.I.....	10
Lawatan ICDL Asia.....	11
The Lost Food Project Ambassador Programme with UM Student 21st Century Youth – A Youthful Solidarity for Peace Programme	12
Majlis Apresiasi Pengajar Kokurikulum CITrA.....	14
	16
Keusahawanan & Kerjaya	
Bengkel Persediaan Latihan Industri.....	18
Design Thinking Approach Towards Entrepreneurial Mind Set....	22
CITrA-Celcom Entrepreneur Programme @ Digital Marketing....	23
Grocermart Post Digital Marketing Challenge.....	24
Social Entrepreneurship (SE) Masterclass # 4 – University of Malaya.....	25
Maybank Go Ahead Challenge.....	27
Nescafe Youth Entrepreneurship Programme (NYEP).....	29
Universiti Malaya Internship Day.....	30
Soft Skills Workshops for Internship.....	33
Program Attach @ UM.....	35

Aktiviti Pemerkasaan Staf

Bengkel Jabatan Matapelajaran Pengajian Umum (MPU).....	37
Competition, Presentation, Exhibition (ComPEx)2019.....	38
Persidangan Kebangsaan Kokurikulum Universiti (NUCC) 2019....	40
Bengkel Training of Trainers (ToT) Kursus Universiti.....	42
Latihan Pengungsian CITrA Bersama Fakulti Sastera dan Sains Sosial (FSSS).....	
	44

Semarak Ilmu

Forum Penglibatan Wanita dalam Politik.....	45
Sesi Perkongsian Ilmu di CITrA.....	46
ICDL Asia Digital Literacy Day 2019 & 2019 ICDL Asia Digital Challenge.....	49
Financial Literacy oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK).....	51
International Seminar on Education and Student Empowerment (ISESE 2019).....	52

DARI MEDIA PENGARAH



Salam Sejahtera,

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Jawatankuasa Buletin kerana telah berjaya menerbitkan Buletin CITRA VALUES, Edisi Khas 2020.

Buletin ini diterbitkan sebagai wadah rasmi CITRA dalam menyalur dan mengenengahkan segala informasi berkaitan aktiviti dan program yang telah dianjurkan oleh pihak CITRA. Seperti yang kita sedia maklum, nama VALUES menggambarkan dengan jelas aspirasi dan misi yang digalas oleh CITRA dalam melahirkan graduan yang seimbang, '*employable*' dan dilengkapi dengan nilai kemanusiaan, kemahiran dan pemikiran bersifat global (*global mindset*).

Dalam VALUES Edisi Khas 2020 ini, pihak CITRA amat berbesar hati untuk meuar-uarkan beberapa program dan aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2019. Antaranya ialah seperti *The Lost Food Project Ambassador Programme with UM Student*, *21st Century Youth – A Youthful Solidarity for Peace Programme*, Forum Penglibatan Wanita dalam Politik, *ICDL Asia Digital Literacy Day 2019*, *International Seminar on Education and Student Empowerment (ISESE 2019)*, *UMCCC: UM Co-Curricular Carnival 2019*, *CITRA-Celcom Entrepreneur Programme @ Digital Marketing*, *Maybank Go Ahead Challenge*, *Nescafe Youth Entrepreneurship Programme (NYEP)* dan beberapa lagi program anjuran CITRA yang dimuatkan dalam edisi khas ini.

Semoga penerbitan buletin ini dapat memanfaatkan para pembaca dengan pelbagai informasi dan dapat meningkatkan pemahaman semua pihak terhadap peranan dan aktiviti yang dikendalikan oleh CITRA. Sekali lagi, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menggembungkan usaha untuk menjayakan penerbitan buletin edisi khas ini.

Sekian, terima kasih

Dr. Wendy Yee Mei Tien
Pengarah
CITRA, Universiti Malaya

DARI MEDIA

EDITOR

Assalamualaikum wrt. wbt. dan Salam Sejahtera. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi, atas limpah nikmat dan kurniaNya, buletin rasmi CITrA, VALUES Edisi Khas 2020 telah berjaya diterbitkan.

Edisi Khas 2020 ini menyajikan maklumat berkaitan aktiviti yang dilaksanakan oleh CITrA sepanjang tahun 2019. Keluaran kali ini begitu istimewa dengan mengumpulkan semua program dan aktiviti CITrA yang terkandung dalam e-Buletin VALUES Bil. 2, 3 & 4 di dalam Edisi Khas 2020.

Penerbitan ini diharapkan dapat menjadi salah satu medium dalam menyalurkan segala program dan aktiviti yang dijalankan oleh CITrA kepada warga kampus di Universiti Malaya khasnya dan universiti-universiti awam yang lain, IPTS, institusi kerajaan, swasta serta orang awam.

Di kesempatan ini, sidang redaksi ingin menitipkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menyumbangkan idea dan buah fikiran bagi menjayakan penerbitan VALUES, Edisi Khas pada ini. Akhir kalam, sidang redaksi berharap agar pembaca dapat memanfaatkan segala input yang dimuatkan dalam buletin ini.

Sekian, terima kasih.

*Sekalung penghargaan buat semua
Atas sumbangan tidak terkira
VALUES kini sudah tersedia
Berkat kesungguhan warga di CITrA*

*Edisi Khas 2020 diberi nama
Himpunan semua program di CITrA
Sepanjang tempoh dua belas purnama
Moga bermanfaat kepada semua*

Dr. Noor Ain Mat Noor
Cik Nurhafizah Jafri

Dr. Fatimi Hanafi
Puan Putri Harlinda Ibrahim

Hari Apresiasi STEM

Dr. Wong Seng Yue

Hari Apresiasi STEM telah diadakan di sekolah antarabangsa *The Sequoia Academy* pada 11 Mei 2019. Program ini melibatkan pelajar daripada kursus Apresiasi STEM bersama pelajar sekolah antarabangsa tersebut. Dalam program ini, Dr. Wendy Yee Mei Tien, Pengarah CITrA telah dijemput untuk menyampaikan ucapan pembukaan.

Program ini melibatkan penjelajahan dan penerokaan lapan *checkpoints* yang berlainan tema, eksperimen dan konsep. Pelajar dibahagikan kepada beberapa kumpulan dan sebaik sahaja setiap kumpulan menyempurnakan tugas pada setiap *checkpoint*, pasport penjelajahan dicop sebelum mara ke *checkpoint* yang seterusnya. Dalam setiap *checkpoint* pula, pelajar kursus Apresiasi STEM memainkan peranan sebagai *mentor-mentee* yang mengambil bahagian bersama dengan pelajar sekolah menerusi sesi pengenalan, demonstrasi, eksperimen, aktiviti permainan dan kuiz.



Dr. Wendy Yee Mei Tien, Pengarah CITrA menyampaikan ucapan pembukaan.



Sesi perkongsian ilmu bersama pelajar sekolah mengenai cara penyediaan komponen struktur sel daripada bahan makanan.



Pelajar kursus Apresiasi STEM sedang menunjukkan demonstrasi eksperimen bagi konsep dan teori getaran bunyi kepada pelajar sekolah



Pelajar kursus Apresiasi STEM berinteraksi dengan pelajar antarabangsa semasa aktiviti pemadanan jenis makanan berdasarkan piramid makanan.

Antara contoh eksperimen yang dilaksanakan adalah seperti penghalang dan pengesanan menerusi ultrasonik, piramid makanan dan nutrisi, obesiti, mencipta sel daripada bahan makanan dan kesan getaran bunyi.

UMCCC:

UM Co-Curricular Carnival 2019

Cik Syaza Khairul Aswad

Pada 4 & 5 Mei 2019, CITRA telah menganjurkan UMCCC: UM Co-Curricular Carnival 2019 dengan tema '*Embracing the Beauty of Multiculturalism*'. UMCCC berlangsung di gelanggang sekitar Universiti Malaya pada 4 Mei 2019 dan di Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya pada 5 Mei 2019.

Objektif utama penganjuran UMCCC ini adalah untuk mengetengahkan produk dan hasil pembelajaran pelajar kursus kokurikulum berkredit sepanjang semester dalam bentuk persembahan, demonstrasi dan penganjuran acara. Di samping itu, UMCCC juga bermatlamat untuk mempertingkatkan tahap penguasaan, pengetahuan dan kemahiran baharu melalui amalan dan aplikasi serta mengasah kemahiran insaniah pelajar menerusi pengalaman dan penglibatan dalam acara sebenar.



Pertandingan sukan yang dijalankan di sekitar gelanggang Universiti Malaya.



Perasmian UMCCC oleh Prof. Dr. Kamila Binti Ghazali, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa).



Majlis yang penuh gemilang ini melibatkan empat komponen kursus Kokurikulum Berkredit (KB) iaitu persembahan pentas (kebudayaan), pameran (kesukarelawan dan pembangunan insaniah), demonstrasi pentas (sukan dan seni mempertahankan diri), pameran (seni visual dan kraf tangan) dan pertandingan sukan.

UMCCC dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) iaitu Prof. Dr. Kamila Ghazali. Dalam majlis ini, beliau sempat memberikan ucapan pembukaan diiringi oleh Pengarah CITrA iaitu Dr. Wendy Yee Mei Tien. Di samping itu, Profesor Dr. Kamila Ghazali turut meluangkan masa untuk menyaksikan persembahan, demonstrasi dan pameran yang dipersembahkan oleh para pelajar yang terlibat.



Persembahan pentas (kebudayaan) oleh pelajar.



Antara booth pameran pelajar.



Prof. Dr. Kamila Binti Ghazali, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) sempat meluangkan masa melawat booth pameran pelajar.



Demonstrasi pentas oleh pelajar.

University Alliance in Talent Education Development (UAiTED)

Consultation Meeting

Dr. Wendy Yee Mei Tien

Pada 1-3 Oktober 2019, pihak CITRA telah mewakili Universiti Malaya bagi menghadiri satu mesyuarat di Taiwan bersama wakil daripada 18 buah universiti terkemuka di rantau Asia untuk membincangkan peluang kerjasama bersama universiti-universiti ini. Satu *alliance* (jaringan universiti) yang dikenali sebagai UAiTED telah dibentuk dalam kalangan universiti yang terlibat. Melalui pembentukan *alliance* ini, beberapa inisiatif dan kerjasama juga telah dibincangkan termasuklah peluang untuk pelajar-pelajar daripada universiti *alliance* ini untuk membuat latihan *internship* di negara Asia; memindahkan kredit daripada universiti *alliance*; mengambil kursus ‘Summer Programme’ bagi meningkatkan kemahiran insaniah pelajar; melibatkan pelajar daripada universiti *alliance* ini dalam ‘exchange program’. Pada Disember 2019, satu MOU telah ditandatangani oleh Naib Canselor, Universiti Malaya sebagai tanda kerjasama dan komitmen Universiti Malaya bagi merealisasikan inisiatif yang telah dipersetujui dalam mesyuarat ini.



Ahli UAiTED daripada 18 buah universiti di rantau Asia.


**Program Bersama UMCIC
& Tee Ip Sdn. Bhd:**

“Mengenali Paten dan Hak Cipta”

Dr. Irene Yong Seok Ching



Cik Noorserra Aryecca Binti Armat menyampaikan ceramah kepada pelajar.



Antara inti pati ceramah.



Sesi soal jawab bersama penceramah industri, Cik Noorserra.

Dengan bantuan dan kerjasama daripada Pusat Inovasi dan Pengkomersialan Universiti Malaya (UMCIC), kursus Asas Pembudayaan Keusahawanan CITrA pada Semester II, Sesi 2018/2019 telah berjaya menjemput pakar rujuk dalam bidang paten dan hak cipta pengkomersialan iaitu Cik Noorserra Aryecca Binti Armat daripada Tee Ip Sdn. Bhd untuk memberi ceramah bertajuk “Mengenali Paten dan Hak Cipta”. Ceramah ini diadakan di Dewan Kuliah 3, Balai Ungku Aziz, Fakulti Pergigian pada 26 April 2019 (Jumaat) dan memberi manfaat kepada seramai 50 pelajar Fakulti Pergigian.

Ceramah ini memberi pendedahan kepada pelajar mengenai apa sebenarnya yang dimaksudkan dengan paten dan hak cipta, perbezaan antara kedua-duanya serta kepentingan kewujudan paten dan hak cipta. Di samping itu, pelajar dapat menghubungkait pendedahan berkaitan kriteria-kriteria kelayakan permohonan paten dan hak cipta dengan tahap kreativiti idea produk mereka sendiri. Pelajar juga berpeluang untuk berinteraksi secara terus dengan pakar rujuk dalam sesi soal jawab untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan bagi menghasilkan tugas bertulis mereka.



Turut hadir dalam ceramah ini ialah tiga orang staf daripada UMCIC iaitu Cik Ainol Mardhiah Abdullah (Pegawai Projek UMCIC), Puan Nur Asmawarmi Binti Hj Abdullah (Pegawai Bahagian Pengurusan Harta Intelek) dan Puan Siti Nurul Ashikin Binti Sabaruddin (Pegawai Pentadbiran Bahagian Pemasaran).



Sesi soal jawab bersama penceramah industri, Cik Noorserra.



Pelajar dan pensyarah bergambar bersama penceramah, Cik Noorserra.



Pensyarah dan penceramah bersama pegawai UMCIC yang turut hadir bersama dalam sesi ceramah.

Program M.A.G.I.V.A.S.I

Dr. Muhammad Shamshinor Abdul Azzis

Pada 5 Mei 2019, pensyarah CITrA iaitu Dr. Muhammad Shamshinor Bin Abdul Azzis telah dijemput sebagai penceramah bagi program 'Who Am I' di Sekolah Kebangsaan Bandar Puteri Jaya, Sungai Petani, Kedah Darul Aman.

Program berbentuk motivasi akademik dan pembangunan diri ini dijalankan di Dewan Permata Warisan dan dihadiri oleh seramai 347 orang pelajar Tahun 6 yang akan menduduki UPSR. Antara keunikan program motivasi ini adalah aplikasi kaedah silap mata atau 'magic tricks' iaitu M.A.G.I.V.A.S.I. yang dijalankan bagi menarik minat pelajar.



Sesi pengenalan dan ceramah oleh Dr. Muhammad Shamshinor Bin Abdul Azzis.



Dr. Muhammad Shamshinor Bin Abdul Azzis menunjukkan persembahan 'magic tricks' kepada pelajar.



Antara peserta program M.A.G.I.V.A.S.I. yang terdiri daripada pelajar.

Lawatan ICDL Asia

Cik Nurhafizah Jafri



Wakil ICDL Asia bergambar bersama Pengarah CITrA.

Pada 9 Julai 2019, CITrA dikunjungi oleh wakil ICDL Asia bagi membincangkan penganjuran seminar *ICDL Asia Digital Literacy Day 2019* yang dijadualkan berlangsung pada 12 September 2019. Lawatan ini adalah rentetan daripada perjanjian yang ditandatangani di antara UM dan ICDL Asia dengan pihak UM bersetuju untuk menjadi tuan rumah bagi menganjurkan seminar tersebut. Penyelaras utama bagi program ini ialah CITrA, Technovation dan ICDL Asia serta disokong oleh pejabat TNCA.

ICDL Asia Digital Literacy Day 2019 merupakan seminar yang dijalankan bagi mewujudkan kesedaran terhadap kepentingan untuk mempunyai kecekapan dan kemahiran digital terutama sekali dalam kalangan pelajar. Pelajar generasi kini perlu disediakan dengan kemahiran digital agar mereka dapat berdaya saing di peringkat global. Penganjuran ICDL Asia Digital Literacy Day 2019 diharap dapat dijadikan sebagai salah satu platform sesi perkongsian antara industri, ahli akademik dan para pelajar untuk mendapatkan perkembangan dan trend terkini dunia digital.

The Lost Food Project Ambassador Program with UM Student

Dr. Irene Yong Seok Ching



Ceramah dan sesi soal jawab bersama En. Philip Pip Dodd dan Cik Hazel Hooi dalam sesi pelatihan pertama pada 25 April 2019.



Pada Semester II, Sesi 2018/2019, kursus Asas Pembudayaan Keusahawanan bekerjasama dengan *The Lost Food Project* (TLFP) dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P & P) yang melibatkan seramai 29 pelajar daripada Fakulti Pendidikan. TLFP merupakan sebuah organisasi amal yang menggunakan pengurusan kreatif dalam membanteras isu kelaparan dan pembaziran makanan di Malaysia. Program kali ini merupakan kerjasama kali kedua dan meliputi skop yang lebih besar.

Kerjasama ini memanfaatkan Pembelajaran Melalui Pengalaman untuk menyediakan platform pembelajaran yang lebih imersif dan merangsang pemikiran kreatif serta pengaplikasian kemahiran. Dua penceramah industri daripada TLFP iaitu En. Philip Pip Dodd dan Cik Hazel Hooi terlibat dalam P & P bersama pensyarah melalui tiga sesi pelatihan iaitu pada 25 April, 9 Mei dan 30 Mei 2019. Secara praktiknya, pembelajaran menggunakan kes spesifik seumpama ini diharapkan dapat membantu pelajar menyelami konsep teoritikal yang dipelajari dalam kelas.



Pelajar membuat *mock presentation* dan menerima komen penambahbaikan daripada penceramah dalam sesi pelatihan kedua.

Antara pengisian utama kerjasama kali ini termasuklah penghasilan proposal pemasaran untuk memasarkan idea “TLFP Ambassador Program with UM Student” kepada pihak ketiga di UM dan menyakinkan mereka supaya membenarkan pembentangan dibuat kepada kumpulan pendengar yang disasarkan di premis pihak ketiga. Di samping itu, pelajar juga terlibat dalam pendengaran aktif dan sesi perbincangan interaktif untuk mengenal pasti maklumat yang diperlukan bagi menghasilkan *Business Model Canvas* untuk TLFP.



Penceramah memberi komen untuk setiap video selepas sesi penilaian dan pengadilan video dan sesi refleksi.



Sesi refleksi interaktif ala santai bersama penceramah dan pensyarah pada penghujung projek.



Pasukan duta pelajar TLFP menyampaikan ceramah kepada kumpulan pendengar sasaran di Fakulti Perubatan UM.

Kemuncak projek kerjasama ini adalah pertandingan video bertemakan “*Inspiring Change: UM Students make an Impact*” dengan video pelajar dinilai dan diadili oleh penceramah industri bersama pensyarah. Video pasukan yang memenangi pertandingan ini akan dipertimbangkan oleh pihak pengurusan TLFP untuk dimuat naik dalam laman web rasmi TLFP.



21st Century Youth

A Youthful Solidarity for Peace Programme

Dr. Wendy Yee Mei Tien

Pihak CITrA telah bekerjasama dengan Akademi Pengajian Islam, Pusat Kebudayaan, Pusat Dialog Peradaban dan NGO - Persatuan Soka Gakkai Malaysia (SGM) menganjurkan satu program bertajuk *21st Century Youth – A Youthful Solidarity for Peace*. Program ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran tentang kepentingan keamanan, kepentingan *Sustainable Development Goal* (SDGs), peranan belia dalam menjaga keamanan dan menonjolkan peranan komuniti UM dalam usaha mencapai keamanan. Program ini merupakan inisiatif pelajar Universiti Malaya daripada pelbagai latar belakang pelbagai fakulti dan program, etnik dan agama, namun berkongsi matlamat yang sama iaitu mencintai keamanan dan menghormati kepelbagaian termasuklah alam sekitar. Program ini telah dibahagikan kepada dua sesi iaitu sesi forum keamanan dan pameran.



Majlis perasmian forum *A Youth and People Centered Approach Towards Peace and Harmony*.



Panel forum *A Youth and People Centered Approach Towards Peace and Harmony*.



Pelajar mengunjungi pameran *Everything you Treasure - For A World Free from Nuclear Weapons* di DTC.

Seramai tiga ahli panel termasuklah Profesor Emeritus Tan Sri Dzulkifi Razak, Rektor UIA, Profesor Sumiani Yusoff, Pengarah IOES dan Dr. Hj. Mohamed Maliki Bin Mohamed Rapiee, Pengarah *International Youth Centre* telah dijemput untuk membentangkan tiga tajuk iaitu *Universities: Central Hubs for Promoting Sustainable Development Goals (SDGs)*, *Disarmament: Nuclear Weapon and Treaty on the Prohibition of Nuclear Weapons (TPNW)* dan *Mainstreaming Youth Participation in Shaping a Peaceful World* di sesi forum keamanan yang telah dipengerusikan oleh Profesor Dato Dr. Christopher Boey, bekas Timbalan Dekan Fakulti Perubatan Universiti Malaya.

Forum yang bertemakan, *A Youth and People Centered Approach Towards Peace and Harmony* ini adalah berdasarkan kepada *Peace Proposal* yang ditulis oleh Dr Daisaku Ikeda, Presiden, *Soka Gakkai International* pada tahun 2019 kepada Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu. Di samping itu, pameran yang bertajuk *Everything you Treasure - For A World Free from Nuclear Weapons* telah berlangsung dengan jayanya di Foyer API dan DTC selama dua hari (24 & 25 Oktober 2019) dan telah dikunjungi seramai 300 pelajar yang berminat untuk mengetahui mengenai aspek keamanan dan kepentingan dunia tanpa senjata nuklear.



Pelajar mengunjungi pameran *Everything you Treasure - For A World Free from Nuclear Weapons* di DTC.

Forum *A Youth and People Centered Approach Towards Peace and Harmony*



Majlis Apresiasi Pengajar Kokurikulum CITrA

Encik Ahmad Rudin bin Gimam

Dr. Rohana Mahmud

Pada 20 September 2019, CITrA telah menganjurkan Majlis Apresiasi Pengajar Kokurikulum CITrA bagi memberi penghargaan kepada para pengajar Kursus Kokurikulum di atas keringat dan penat lelah memberi bimbingan dan mengasah bakat pelajar dalam bidang seni, sukan, kreativiti dan sebagainya. Sebagaimana yang kita maklum, mulai Semester I, Sesi 2019/2020, kesemua kursus KoK sedia ada telahpun dipindah kepada Enam (6) teras kursus KoK baharu dan diselia oleh pihak Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP). Oleh itu, majlis apresiasi ini menjadi ruang perjumpaan rasmi yang akhir bagi kesemua pengajar KoK.



Cik Hartini Mohamed selaku pengacara memulakan majlis dengan kata-kata aluan diikuti oleh bacaan doa yang dikendalikan oleh Encik Ahmad Rudin Gimam merangkap Setiausaha majlis.



Dr. Wendy Yee Mei Tien, Penasihat Majlis Apresiasi Pengajar Kokurikulum CITrA merangkap Pengarah CITrA menyampaikan kata-kata aluan dan penghargaan kepada pengajar yang hadir.



Antara pengajar dan staf CITrA yang hadir semasa Majlis Apresiasi.



Encik Khairuddin bin Mohamed Ghazali, pengajar kursus Khidmat Komuniti - K2 sebagai wakil kepada semua pengajar menyampaikan ucapan penghargaan kepada CITrA.

Encik Abas bin Hassan, Pengajar Kursus Asas Fotografi K1 menerima sijil dan cenderahati daripada Pengarah CITrA disaksikan oleh Pengarah Program, Dr. Rohana Mahmud.



Puan Dzudiana binti Ramli, isteri kepada Allahyarham Hj. Yusup bin Zain, pengajar Kursus Memanah, pertama dari kiri (bertudung biru) turut hadir bersama tiga orang anak-anaknya bagi menyerikan majlis.

Gambar kenang-kenangan sebahagian pengajar Kursus Kokurikulum Sesi 2018/2019 bersama kakitangan akademik dan kakitangan pelaksana CITrA.



Bengkel Persediaan Latihan Industri

Dr. Ponmalar N. Alagappar | Cik Nurhafizah Jafri

Pada tahun 2019, pihak CITrA telah menganjurkan dua siri Bengkel Persediaan Latihan Industri iaitu pada Mac - Mei 2019 dan Oktober 2019. Penganjuran siri yang pertama melibatkan pelajar daripada dua belas (12) akademi/fakulti/pusat yang akan menjalani latihan industri pada Semester Khas, Sesi Akademik 2018/2019 dan Semester I, Sesi Akademik 2019/2020. Akademi/ fakulti/pusat yang terlibat dalam bengkel bagi siri yang pertama ini ialah:

- Fakulti Sains – 15 Mac 2019
- Fakulti Kejuruteraan – 20 Mac 2019
- Fakulti Sastera dan Sains Sosial – 22 Mac 2019
- Akademi Pengajian Melayu – 23 Mac 2019
- Pusat Kebudayaan – 26 Mac 2019
- Pusat Sukan dan Sains Eksesais – 29 Mac 2019
- Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran – 30 Mac 2019
- Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat - 5 April 2019.
- Akademi Pengajian Islam – 9 April 2019
- Fakulti Perniagaan dan Perakaunan – 10 April 2019
- Fakulti Bahasa dan Linguistik – 3 Mei 2019
- Fakulti Alam Bina – 4 Mei 2019





Seramai lebih kurang 1,867 pelajar telah hadir ke bengkel tersebut. Penganjuran bengkel ini adalah untuk memenuhi ketetapan Program Latihan Industri Universiti Malaya bagi mendedahkan pelajar dengan kemahiran insaniah terkini yang diperlukan oleh pihak industri. Dalam program ini, pihak CITrA telah menjemput beberapa pihak industri untuk memberikan taklimat mengenai persediaan pelajar ke alam pekerjaan. Di antara tetamu jemputan adalah seperti berikut:

- Encik Ravinther, ASK Consultant.
- Encik Murali Prasad, SIEZZLESCIENCE.
- Puan Mei Ng, TOP Glove Sdn. Bhd.
- Encik Syed Fairul, ICDL.
- Puan Noratikah Kasmoi, Talent Corp.
- Encik Al Jazzura Khan bin Mor Japar Khan, ODC Creative Hub.
- Encik Chong Lit Jia dan Encik Wan Chee Siang, Super Group.
- Puan Nirmala Supramanian, AKPK.
- Encik Reza Huzairi Zainuddin, UDA Holdings Berhad.



Antara pelajar yang hadir dalam Bengkel Persediaan Latihan Industri di beberapa buah fakulti di Universiti Malaya.

Bengkel Persediaan Latihan Industri telah dilaksanakan untuk tujuh buah akademi/fakulti/pusat pada 4 - 18 Oktober 2019. Bengkel ini merupakan prasyarat bagi pelajar yang akan menjalankan Latihan Industri pada Semester II, Sesi Akademik 2019/2020. Antara Akademi/Fakulti/Pusat yang terlibat ialah:

- Fakulti Sains (4 Oktober 2019)
- Fakulti Pendidikan (4 Oktober 2019)
- Fakulti Sastera dan Sains Sosial (11 Oktober 2019)
- Akademi Pengajian Islam (11 Oktober 2019)
- Fakulti Perniagaan dan Perakaunan (11 Oktober 2019)
- Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (18 Oktober 2019)
- Fakulti Alam Bina (18 Oktober 2019)
- Pusat Sukan dan Sains Eksesais (18 Oktober 2019)



Bengkel Persediaan Latihan Industri bersama penceramah dari Xtremo Sdn. Bhd.



Bengkel Persediaan Latihan Industri untuk pelajar Akademi Pengajian Islam (API) dan Fakulti Bahasa dan Linguistik di Bilik Seminar (BS 1 & 2) bersama penceramah dari MTD Group.



Bengkel Persediaan Latihan Industri untuk pelajar Fakulti Komputer Sains dan Teknologi Maklumat.

Seramai 639 pelajar telah menghadiri bengkel ini dan diberi pendedahan mengenai keperluan terkini industri, persiapan diri pelajar dari segi kemahiran insaniah dan kemahiran lain. CITRA dengan kerjasama HEPA telah menjemput beberapa pihak industri untuk memberi taklimat berkaitan persediaan ke alam pekerjaan. Antara topik yang dibincangkan oleh panel jemputan industri ialah *Interview Do and Dont's; Dealing with Challenging Issues at work; Workplace Attitude; Expectation of Industry of Interns; Do and Don't in Internship*. Selain itu, pelajar juga diajar teknik menyediakan CV and video resume yang akan digunakan untuk memohon penempatan latihan industri dan pekerjaan.



Bengkel Persediaan Latihan Industri untuk pelajar Fakulti Sains bersama penceramah dari Ambank Berhad.



Bengkel Persediaan Latihan Industri untuk pelajar Fakulti Perniagaan dan Perakaunan.

Antara industri yang dijemput adalah seperti berikut:

- Encik Wilson Choo, Country Head, Xremo Sdn. Bhd.
- Encik Izzulhilmie Sharif, Digital Marketing Executive, Xremo Sdn. Bhd.
- Cik Natasha Murad, HR Group Talent Engagement Team, Ambank
- Encik Maliki Ismail, Senior Executive, Human Capital, MTD Group.
- Encik Jamhuri Mohamed, Executive, Human Capital, MTD Group.
- Cik Putri Nur Ameerah, Assistant Manager, Brand & Talent Sourcing, RHB
- Dr. Norhayati Mohd Yusof, HR Head, Robert Bosch Malaysia
- Encik Benjamin Song, Digital Marketing Practice Lead, Artefact Malaysia
- Cik Yuki Kuan, Digital Marketing Senior Consultant, Artefact Malaysia
- Encik Len Yue Yang, Gobi Partners

Design Thinking Approach Towards Entrepreneurial Mind Set

Dr. Ponmalar N. Alagappar

Bengkel Seminar “*Design Thinking Approach Entrepreneurial Mind Set*” untuk pelajar Asas Pembudayaan Keusahawanan (APK) telah dijalankan selama tiga hari sebagai sebahagian dari ‘*experiential learning exercise*’. Bengkel ini dijalankan di bawah seliaan dua orang pensyarah APK iaitu Dr. Kannaki Vaithilingam dan Dr. Ponmalar N. Alagappar. Objektif program ini adalah untuk mendedahkan pelajar APK kepada kemahiran keusahawanan dengan menggunakan pendekatan “*Design Thinking and Innovative*”.

Program yang dijalankan ini melibatkan sebanyak lima buah kelas APK dengan anggaran pelajar seramai 450 orang. Di antara aktiviti yang dilaksanakan oleh pelajar termasuklah ‘redesign the mall of tomorrow’ dan ‘air bnb experience’. Maklum balas pelajar menunjukkan bahawa proses pembelajaran melalui cabaran yang diberikan kepada mereka dapat meningkatkan kemahiran kerja berpasukan, kreativiti dan pengurusan masa para pelajar.



Dr. Ponmalar N. Alagappar (kiri) dan Dr. Kannaki Vathilingam (kanan) memberikan penerangan kepada pelajar mengenai aktiviti yang akan dijalankan pelajar.



Pelajar menjalankan aktiviti dalam kumpulan.

CITRA-Celcom Entrepreneur Programme @ Digital Marketing

Cik Nurhafizah Jafri

Pada 5 April 2019, CITRA dan Celcom telah bekerjasama menganjurkan ‘CITRA-Celcom Entrepreneur Programme @ Digital Marketing’ sebagai sebahagian daripada agenda Ekonomi Digital untuk memberi peluang kepada rakyat Malaysia terutamanya dalam kalangan graduan untuk menjana pendapatan tambahan melalui digital. Program yang dijalankan ini merupakan salah satu usaha CITRA untuk memperkenalkan Pemasaran Digital kepada warga UM. Program ini telah dihadiri oleh seramai 45 orang peserta yang terdiri daripada staf dan juga pelajar UM.



Pengenalan program oleh wakil Celcom,
En. Areeham Hj Abdullah.



Peserta bengkel di Makmal Komputer 3, Fakulti
Sains Komputer dan Teknologi Maklumat.



Cenderahati daripada pihak Celcom.



Peserta program bersama wakil Celcom,
MDeC dan CITRA.

Grocermart

Post Digital Marketing Challenge

Dr. Ponmalar N. Alagappar

Grocermart Pte Ltd, Singapura telah bekerjasama dengan CITrA dalam memberi bimbingan kepada pelajar keusahawanan dan menyediakan pengalaman dalam pasaran. Kerjasama ini bermula pada Semester I, 2018/2019 melibatkan seramai 80 pelajar Asas Pembudayaan Keusahawanan (GIG1003). Para pelajar yang terlibat dalam program ini terdiri daripada pelajar aliran sains dan sastera. Pelajar diajar kaedah untuk membuat profil pelanggan sasaran, cadangan penjualan yang unik, strategi penetapan harga dan kedudukan, pelan pengedaran, strategi promosi dan strategi pemasaran dalam talian. Dalam program ini, sebanyak 20 kumpulan pelajar telah menjalankan kaji selidik mengenai pemasaran dalam talian.



Di akhir latihan, para pelajar membentangkan cadangan pemasaran kepada Grocermart Pte Ltd. untuk Pertandingan Penyelidikan Pemasaran Digital 2018. Sebuah kumpulan telah dipilih sebagai pemenang bagi pertandingan ini. Ahli-ahli kumpulan ini terdiri daripada pelajar-pelajar dari Fakulti Sastera dan Sains Sosial iaitu Nur Syawani Binti Mat Radzi, Siti Nur Aminah Binti Arshad, Zuhailah Binti Mat Nawi dan Nurul Alis Sarah Binti Bidin. Pada 25 April 2019, sebuah Majlis Anugerah Pertandingan Penyelidikan Pemasaran Digital 2018 telah diadakan di CITrA. Kumpulan yang memenangi pertandingan telah menerima hadiah berupa plak dan percutian dua hari satu malam ke Universal Studio Singapura.



Sesi penyampaian hadiah kepada pemenang.

Social Entrepreneurship (SE) Masterclass # 4 – University of Malaya

Puan Putri Harlinda binti Ibrahim

Pada 4 Julai 2019, CITRA dan MaGIC (*Malaysian Global Innovation and Creativity Centre*) telah menganjurkan Social Entrepreneurship (SE) Masterclass # 4 –Universiti Malaya yang melibatkan penyertaan daripada warga kampus Universiti Malaya. Seramai 80 orang peserta yang terdiri daripada pelajar, pensyarah dan staf bukan akademik yang terlibat dalam program ini. Program ini dilaksanakan di Bilik Seminar 1 & 2, bangunan CITRA dan dikendalikan oleh penyelaras daripada pihak MaGIC iaitu En. Mohd Rizalman (MasSIVE, MaGIC) serta melibatkan penceramah jemputan iaitu:

- En. Kim Lim (Co-founder of Picha Project)
- En. Redza Shahid (Co-founder of GrubCycle)



Taklimat daripada En. Mohd Rizalman dari MasSIVE, MaGIC.



Perbincangan berkumpulan.



Pembentangan oleh peserta program.

Program yang dijalankan ini adalah bertujuan menyediakan peserta untuk menjadi seorang Usahawan Sosial (*Social Entrepreneur*). Melalui program ini, pelajar diberi pendedahan mengenai pengenalan kepada komponen asas keusahawanan sosial bagi membantu mereka untuk mengembangkan idea-idea keusahawanan sosial.

Selain itu, program ini juga memberi pendedahan kepada pelajar mengenai persekitaran dan amalan-amalan terkini untuk menjadi sorang usahawan sosial yang berjaya. Dalam program ini juga, pihak MaGIC telah menyediakan garis panduan dan modul-modul praktikal yang boleh dirujuk dan digunakan oleh peserta untuk mengetahui dengan lebih mendalam mengenai keusahawanan sosial.



Peserta program.

Program Maybank Go A Head Challenge (MGAC) telah dijalankan di kampus seluruh Malaysia. Pada 29 Jun 2019, program ini telah dijalankan di Universiti Malaya (UM) dengan kerjasama pihak CITrA. Program ini melibatkan penyertaan pelajar-pelajar UM yang terpilih iaitu pelajar yang telah menjalankan ujian secara atas talian yang disediakan oleh Maybank. Selain itu, terdapat juga pelajar UM yang dipilih melalui Bengkel Persediaan Latihan Industri (LI) yang dijalankan bersama Maybank.

Program ini memberi pendedahan kepada pelajar mengenai keperluan industri terkini serta dapat meningkatkan kebolehdapatan pekerjaan pelajar di masa hadapan.



Sesi pendaftaran pelajar.



Wakil Maybank memberikan penerangan tugas kepada kumpulan peserta.

Maybank

Go Ahead Challenge

Dr. Ponmalar N Alagappar
Cik Nurhafizah Jafri



Pelajar menjalankan tugas berkumpulan.

Dalam program ini, cabaran MGAC di peringkat kampus telah berlangsung pada 29 Jun 2019 dan disertai oleh 18 orang pelajar Universiti Malaya. Seramai tiga (3) orang pelajar telah memenangi cabaran MGAC yang sekali gus telah melayakkan mereka ke cabaran di peringkat nasional. Pelajar-pelajar tersebut ialah:

- Afif Ridhwan Roslan (Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran)
- Yuvrajan Periyan A/L Yogeswaran (Fakulti Kejuruteraan)
- Nur Hidayatul Husna Muhammad (Fakulti Sastera dan Sains Sosial)

Pada 16 Julai 2019, cabaran MGAC di peringkat kebangsaan telah dilangsungkan di Menara Maybank 100, Jalan Tun Perak, Pudu. Di peringkat ini, seramai dua orang pelajar Universiti Malaya layak untuk ke pertandingan di peringkat antarabangsa iaitu:

- Muhammad Arief Siddiq Bin Md. Daud (Fakulti Perakaunan dan Perniagaan)
- Afif Ridhwan Roslan (Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran)



Aktiviti berkumpulan.



Sesi bersama wakil Maybank.



Tiga orang (3) pelajar UM yang telah memenangi cabaran MGAC peringkat kampus.



Dua pelajar UM yang layak ke peringkat antarabangsa iaitu Afif Ridhwan Roslan Muhammad (gambar atas) dan Arief Siddiq Bin Md. Daud (gambar bawah).

Nescafe

Youth Entrepreneurship Programme (NYEP)



Hub Nescafe di Student Mall, Kompleks Perdanasiswa.



Pelajar menyediakan bahan promosi produk.

Dr. Ponmalar N. Alagappar
Cik Nurhafizah Jafri

Seramai 80 pelajar kursus APK berpeluang mengaplikaskan pengalaman perniagaan secara realiti melalui Nescafe Youth Entrepreneurship Program Challenge yang dianjurkan oleh NESCAFE Products Sdn Bhd bermula September hingga November 2019. Pertandingan ini dinilai berdasarkan pencapaian dari segi jualan, keuntungan, kreativiti dalam pemasaran, promosi produk dan mengikuti prosedur yang ditetapkan.

Perniagaan kiosk NESCAFE melibatkan 17 pelajar dalam satu kumpulan yang bermula dari Semester I, Sesi 2019/2020. Dalam program ini, pelajar diberi latihan selama sehari mengenai kaedah membancuh NESCAFE, teknik pemasaran dan menjalankan operasi prosedur perniagaan, pengurusan pasukan dan keadah untuk menarik pelanggan. Selain itu, pelajar juga berpeluang untuk meneroka dan mencipta resipi baru NESCAFE.



Pelajar bergambar bersama pelanggan Nescafe.

Universiti Malaya

Internship Day

Dr. Ponmalar N Alagappar
Cik Nurhafizah Jafri

Internship Day merupakan sebuah program yang memberi peluang kepada pelajar untuk mendapat peluang penempatan Latihan Industri sekali gus membuka peluang pekerjaan kepada pelajar. Program ini melibatkan semua pelajar Universiti Malaya yang akan menjalani Latihan Industri pada Semester II, Sesi Akademik 2019/2020. Seramai 427 pelajar telah menghadiri program ini yang terdiri daripada Fakulti Sains, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, Fakulti Alam Bina, Fakulti Bahasa dan Lingustik, Akademi Pengajian Islam dan Pusat Sukan dan Sains Eksesais.



Antara industri yang membuka *booth* untuk menawarkan penempatan Latihan Industri kepada pelajar UM.



Pelajar melawat *booth* industri yang menawarkan penempatan Latihan Industri.

Program ini memberi peluang kepada pelajar untuk bertemu secara *face to face* dengan pelbagai industri. Ia turut menjadi platform kepada pelajar untuk menampilkan diri dan menonjolkan pencapaian mereka di universiti di samping membina hubungan rapat dengan pihak industri. Seramai tujuh (7) panel daripada pelbagai bidang telah dijemput untuk memberi pendedahan tentang industri dan pengalaman dalam mengendalikan bidang industri masing-masing. Di samping itu, panel juga membincangkan panduan dan teknik semasa menghadapi temuduga serta persiapan diri dari segi fizikal dan mental.

Antara panel jemputan ialah seperti berikut:

- Cik Mona Abu Bakar (*Director & Talent Acquisition of CIMB Bank Berhad*).
- Encik Derek Soh (*Founder & Managing Director of Poiygon Properties Sdn Bhd*).
- Encik Eldrick Koh (*Founder & CEO of Gen Youth Sdn Bhd*).
- Encik Azmi Said (*Chief Executive Officer of SME Corp Malaysia*).
- Encik Nikhil (*Malaysia Country Head and Regional Marketing Director of Razer Pay*).
- Datuk Sri Gary Chua (*President of Malaysia Retail Chain Association*).
- Encik Ganesh Kumar Bangah (*Chairman of PIKOM*).



Sesi *Industry Talk* bersama penceramah jemputan.

Barisan penceramah jemputan untuk sesi *Industry Talk* di Universiti Malaya semasa *Internship Day*.



Sebanyak 71 buah organisasi/syarikat hadir pada program tersebut. Senarai organisasi yang terlibat adalah seperti berikut:

- Ritzlite Sdn. Bhd.
- Plytec Formwork System Industries Sdn. Bhd.
- Pembinaan Tetap Teguh Sdn. Bhd.
- SEIKOU System Sdn. Bhd.
- Inter-Link Language Centre
- Wynkids Sdn. Bhd.
- Brainy Bunch Sdn. Bhd.
- Smart Reader Worldwide
- Heguru Educational Laboratory (M) Sdn. Bhd.
- Texas Instruments Malaysia Sdn. Bhd.
- Focus Point Vision Group
- IBM Malaysia Sdn. Bhd.
- Koperasi Usahawan Metropolitan Kuala Lumpur
- TX Advisory Group Sdn. Bhd.
- Fire Fighter Industry Sdn. Bhd.
- YYC Holdings Sdn. Bhd.
- Widebed Sdn. Bhd.
- U Matrin Worldwide Sdn. Bhd.
- Wynz Group Sdn. Bhd.
- ITCO Niaga Sdn. Bhd.
- Spectruck Sdn. Bhd.
- JCW Holdings Sdn. Bhd.
- MarryBrown Sdn. Bhd.
- Qlic Solution Sdn. Bhd.
- Robert Bosch Sdn. Bhd.
- Gintell Rest n Go Sdn. Bhd.
- Armani Media Sdn. Bhd.
- Harvest Legion
- Talent AP Management Sdn. Bhd.
- Floor Culture Holding Sdn. Bhd.
- Sydney Cake House Sdn. Bhd.
- ATZ Bussiness Solution
- Sage Software Sdn. Bhd.
- FREEDOMVENTURE PL
- JOCOM Group
- Cathect Sdn. Bhd.
- EasyStore Commerce Sdn. Bhd.
- SEA Gamer Mall Sdn. Bhd.
- Shopline (M) Sdn. Bhd.
- PG Mall Sdn. Bhd.
- Qinetics Solutions Sdn. Bhd.
- GHL Systems Berhad
- Sales Candy International Berhad
- Pollen Tech Sdn. Bhd.
- Worthy Media Sdn. Bhd.
- Kait Lifestyle PLT
- See Sharp Solutions Sdn. Bhd.
- ITCO Niaga
- Internet Alliance
- iPay88 Holding Sdn. Bhd.
- Fortitude Asia Sdn. Bhd.
- KTIC Marketing Sdn. Bhd.
- Just Supply Chain Sdn. Bhd.
- Serunai Commerce Sdn. Bhd.
- 91APP Sdn. Bhd.
- Click Asia Sdn. Bhd.
- LamboPlace Sdn. Bhd.
- Big Domain Sdn. Bhd.
- App Pay Sdn. Bhd.
- MarryBrown Sdn. Bhd.
- Golden Screen Cinemas Sdn.Bhd.
- CIMB Bank Bhd.
- GenYouth Sdn Bhd.
- Averest Ecommerce Sdn. Bhd.
- Mamic Solution Sdn. Bhd.
- MICES Technology Sdn. Bhd.
- Mars Valley Sdn Bhd
- Bricks & Clicks Ventures Sdn. Bhd.
- Volservers Solutions Sdn. Bhd.
- Chi Fitness
- Celebrity Fitness
- Fitness First


Soft Skills Workshops for Internship

Cik Nurhafizah Jafri

Pada 13, 20 & 21 Disember 2020, CITrA telah menganjurkan Soft Skill Workshops for Internship yang disertai seramai 74 orang pelajar. Bengkel ini dilaksanakan berdasarkan kepada maklum balas pelajar yang telah menghadiri Bengkel Persediaan Latihan Industri yang dijalankan sepanjang bulan Oktober 2019. CITrA menjemput penceramah profesional dari GRADUAN, SRKAY Consulting Group Sdn. Bhd. (SCIKEY) dan Value Creation Consultancy.



Soft Skills Workshops for Internship di Bilik Seminar (BS 1 & 2 bersama penceramah daripada GRADUAN.



Penceramah daripada Value Creation Consultancy sedang memberikan ceramah.

Berikut adalah maklumat lanjut modul yang telah disampaikan oleh penceramah jemputan:

I) 3 Disember 2019

- *Successful CV Writing*
- *Branding Yourself*

II) 20 Disember 2019

- *Successful CV Writing*
- *Expectation vs Reality*
- *How to create a professional resume*
- *How to handle a job interview successfully*
- *How to build your personal brand on LinkedIn*
- *How SCIKEY can help land you a job*

IV) 21 Disember 2019

- *Update of Job Market situation & trends*
- *Useful tools - Know yourself (SWOT analysis)*
- *Developing useful CV*



Penceramah daripada GRADUAN sedang memberikan ceramah.

Soft Skills Workshops for Internship di Bilik Seminar (BS 1 & 2) bersama penceramah daripada SCIKEY.



Soft Skills Workshops for Internship di Bilik Seminar (BS 1 & 2) bersama penceramah daripada GRADUAN

Program Attach @ UM

Puan Putri Harlinda binti Ibrahim

Program Attach@UM telah diperkenalkan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar mulai Semester II, Sesi 2018/2019. Objektif utama program ini adalah untuk memberi pendedahan awal kepada pelajar Tahun 1 bagi program pengajian Sarjana Muda mengenai alam pekerjaan menerusi penempatan di pusat tanggungjawab terpilih selama sepuluh (10) hari. Program ini telah dilaksanakan di Universiti Malaya pada cuti Semester II, Sesi 2018/2019.

Seramai tujuh (7) orang pelajar daripada pelbagai fakulti telah mengikuti program ini di CITrA. Fakulti tersebut adalah seperti Akademi Pengajian Islam, Fakulti Alam Bina, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Fakulti Pendidikan dan Fakulti Perniagaan dan Perakaunan. Pelajar telah didedahkan dengan fungsi utama CITrA dalam aspek:

- Pengurusan pentadbiran pejabat
- Pengurusan aset dan inventori
- Pengurusan hal ehwal akademik dan pendaftaran kursus pelajar
- Pengurusan data latihan industri pelajar dan data industri



Pelajar Attach@UM yang ditempatkan di CITrA.



Pelajar Attach@UM menerima hadiah sagu hati setelah tamat program Attach@UM.



Sesi maklum balas pelajar Attach@UM bersama Pengarah CITrA.



Pelajar Attach@UM bersama Pengarah dan Timbalan Pengarah (Latihan Industri) CITrA.

Bengkel Jabatan Matapelajaran Pengajian Umum (MPU)

Cik Nur Fatihah binti Md Aziz
Dr. Rohana Mahmud

Pada 20 Ogos 2019 (Selasa), (CITrA) telah mengadakan bengkel Jabatan Matapelajaran Pengajian Umum (MPU). Bengkel ini bertujuan mengemaskini hasil dapatan jabatan bagi Sesi 2018/2019 dan juga merancang perkara-perkara berkaitan akademik dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran bagi Sesi 2019/2020. Bengkel ini juga menjadi platform untuk memberi latihan kendiri dan peningkatan nilai tambah kepada seluruh warga CITrA.

Para peserta telah didedahkan dengan ilmu baharu berkaitan Neuro Linguistic Programming, NLP. Penceramah jemputan ialah Profesor Dr. Zulqarnain bin Mohamed daripada Institut Sains Biologi, Fakulti Sains. Dalam bengkel ini, peserta mendapat pendedahan mengenai kemahiran insaniah seperti kerjasama dan juga komunikasi cemerlang di pejabat.



Prof. Dr. Zulqarnain Mohamed memberikan ceramah.



Peserta bengkel bergambar bersama penceramah jemputan.

Competition, Presentation, Exhibition (ComPEx) 2019

Dr. Faezah Kassim

Seramai enam orang pensyarah CITrA telah menyertai Pertandingan Inovasi Competition, Presentation, Exhibition (ComPEx) 2019 peringkat Kebangsaan pada 25 Jun 2019 hingga 27 Jun 2019 dan berjaya memperoleh Pingat Gangsa ComPEx2019. Para pensyarah tersebut adalah terdiri daripada Dr. Muhammad Shamshinor Abdul Azzis sebagai ketua kumpulan, Dr. Noor Ain Mat Noor, Dr. Fatimi Hanafi, Dr. Faezah Kassim dan Pn. Faridah Che Husain.

ComPEx yang dianjurkan oleh Institut Pendidikan Guru (IPG), Kementerian Pendidikan Malaysia ini menyediakan platform untuk perkongsian amalan terbaik inovasi dalam kalangan warga pendidik sama ada di IPG mahu pun di peringkat universiti dan sekolah dengan mengenal pasti inovasi yang boleh diketengahkan di peringkat kebangsaan. Terdapat penyertaan daripada pelbagai institusi pengajian tinggi antaranya ialah Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Pendidikan Sultan Idris dan Universiti Utara Malaysia.



Kaedah pengajaran MagicNation berjaya menarik minat sebahagian besar pelajar sekolah.



Kunjungan pelajar IPG dan penjelasan oleh Dr. Muhammad Shamshinor Abdul Azzis.

Kumpulan pensyarah CITrA mempertandingkan inovasi dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) bagi kursus Hubungan Etnik. Tajuk yang dipertandingkan adalah Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi Dalam Pengajaran dan Pembelajaran (HIEPs) Kursus Hubungan Etnik di Universiti Malaya.

Strategi PdP daripada HIEPs yang digunakan adalah *Collaborative Assignment and Projects* (CAS) dan *First Year Seminar* (FYS) bagi mencapai hasil pembelajaran kursus (HPK) merangkumi kemahiran insaniah Kemahiran Berkomunikasi, Pemikiran Kritis dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah serta Kerja Berpasukan.



Booth 26 ComPEX2109: CITrA Universiti Malaya dengan tajuk “Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi dalam Pengajaran dan Pembelajaran Kursus Hubungan Etnik di Universiti Malaya”.



Para juri sedang menilai pembentangan dan persembahan kaedah pengajaran oleh Dr. Muhammad Shamshinor Abdul Azzis.



Pn. Faridah Che Husain (peserta program) sedang memberi penjelasan kepada pengunjung booth.



Sijil Penghargaan di atas pencapaian Pingat Gangsa Pertandingan Inovasi (Kategori Pensyarah).

Persidangan Kebangsaan Kokurikulum Universiti (NUCC) 2019

Dr. Noor Ain Mat Noor

Pada 10 & 11 Julai 2019, beberapa orang pensyarah daripada CITrA telah menyertai Persidangan Kebangsaan Kokurikulum Universiti (NUCC) 2019 bertempat di Universiti Putra Malaysia. NUCC 2019 dianjurkan oleh Majlis Kokurikulum Universiti-universiti Malaysia (UniCC) dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Tinggi dan UPM serta disertai oleh 20 universiti seluruh Malaysia.



Antara bahan inovasi yang dipamerkan di NUCC 2019.



Poster inovasi yang dihasilkan oleh pensyarah CITrA.

Persidangan ini melibatkan penyertaan sebanyak 43 buah artikel dan 30 penyertaan pertandingan inovasi pembelajaran dan pengajaran kokurikulum di IPT dengan tema '*Innovation Co-Curriculum to Enhance Student Development*'. Dalam pertandingan inovasi, pihak CITrA telah memenangi dua buah pingat gangsa iaitu melalui pembentangan poster bertajuk:

- Inovasi dan Kreativiti dalam Pdp Kursus Hubungan Etnik di Universiti Malaya: Ke Arah Pemantapan Kemahiran Insaniah Dalam Kalangan Pelajar – MagicNation
- Inovasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran Melalui Pelaksanaan Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (HIEPs) Bagi Kursus Tamadun Islam & Asia dan Hubungan Etnik di Universiti Malaya



Penyampaian sijil dan pingat gangsa kepada Dr. Muhammad Shamshinor Abdul Aziz.



Para pensyarah CITRA bergambar bersama Prof. Dato' Dr. Saharuddin bin Abdul Hamid (Pengerusi UniCC).



Antara pensyarah CITRA yang terlibat dalam pertandingan inovasi NUCC 2019.

Bengkel Training of Trainers (ToT) Kursus Universiti

Jabatan Matapelajaran Pengajian Umum (MPU), Pusat Latihan Intern dan Pengayaan Akademik (CITrA) telah pun mengadakan beberapa siri Bengkel *Training of Trainers* (ToT) Kursus Universiti (KU) pada tarikh 19 - 23 Ogos 2019. Bengkel ini telah dibahagikan kepada tiga kumpulan kursus iaitu ToT kursus komponen U1 merangkumi kursus Hubungan Etnik, Tamadun Islam dan Tamadun Asia dan Pengenalan kepada Malaysia. Dua lagi bengkel ToT adalah difokuskan kepada kursus Asas Pembudayaan Keusahawanan (APK) dan kursus Jalinan Masyarakat. Tujuan utama bengkel adalah untuk merancang dan membincangkan proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) bagi Semester I, Sesi 2019/2020.

Cik Nur Fatihah binti Md Aziz
Cik Hartini Mohamed
Dr. Rohana Mahmud



Antara peserta Bengkel ToT yang hadir.



Pensyarah dalaman CITrA bersama pensyarah sambilan berbincang mengenai kaedah pelaksanaan kelas bagi Semester I, Sesi 2019/2020.

Di samping itu, Pengurus Kualiti CITrA, Dr. Irene Yong Seok Ching turut berkongsi perkara berkaitan audit kendiri dan fail kursus. Kesemua peserta yang hadir adalah terdiri daripada pensyarah CITrA, pensyarah/penyelaras daripada fakulti dan juga pensyarah sambilan (PS) CITrA. Dalam bengkel ini, peserta berpeluang bertukar-tukar fikiran dan bekerjasama dalam memantapkan lagi kandungan dan kaedah P & P kursus universiti di Universiti Malaya.



Dr. Rohana Mahmud bergambar bersama pensyarah dan kakitangan CITrA semasa Bengkel ToT bagi Kursus APK dan Pengenalan kepada Malaysia.



Dr. Rohana Mahmud bergambar bersama pensyarah dan kakitangan CITrA semasa Bengkel ToT bagi Kursus Hubungan Etnik dan TITAS.

Latihan Pengungsian CITrA

Bersama Fakulti Sastera dan Sains Sosial (FSSS)

Dr. Wong Seng Yue

Pada 8 November 2019, CITrA dengan kerjasama Fakulti Sastera dan Sains Sosial (FSSS) dan Klinik Kesihatan Pelajar telah menganjurkan Latihan Pengungsian pada jam 10.00 pagi bertempat di Dataran Sastera, FSSS. Kesemua kakitangan CITrA telah memberi kerjasama yang sepenuhnya untuk menyertai latihan pengungsian ini. Semasa latihan ini dijalankan, Ketua Tingkat CITrA iaitu Dr. Wong Seng Yue telah ditugaskan untuk memastikan kesemua kakitangan CITrA meninggalkan bangunan CITrA dan menuju ke tempat himpunan yang ditetapkan. Semasa di tempat berhimpun, Ketua Tingkat CITrA turut menyemak setiap nama staf CITrA berpandukan kepada senarai nama yang dibekalkan. Latihan Pengungsian ini diakhiri dengan ucapan taklimat yang disampaikan oleh pihak *Occupational Safety & Health and Environment Division (OSHE)* dan Timbalan Dekan (Pembangunan), FSSS, Prof. Madya Rosmadi Fauzi.



Ketua Tingkat CITrA, Dr Wong Seng Yue, Puan Rohaidah dan Encik Rudin membuat perbincangan dan menyemak senarai nama kakitangan CITrA yang turun ke Dataran Sastera, FSSS.



Warga CITrA termasuklah staf akademik dan staf pelaksana sedang berbaris dalam ruangan yang disediakan semasa Latihan Pengungsian diadakan.

Forum Penglibatan Wanita dalam Politik

Dr. Fatimi Hanafi

Pada 11 April 2019, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya dengan kerjasama CITrA telah menganjurkan Forum Penglibatan Wanita dalam Politik. Program ini berlangsung di Dewan Semarak, Akademi Pengajian Melayu bermula jam 10.00 pagi dan berakhir jam 12.30 tengah hari. Panel jemputan terdiri daripada Yang Berhormat Young Syefura Othman (Ahli Dewan Undangan Negeri Ketari), Dr. Halimah Ali (Ahli Jawatankuasa PAS Pusat) dan Dr. Fatimi Hanafi (Pensyarah Kanan, CITrA), Universiti Malaya.

Sementara itu, moderator bagi program ini pula ialah Prof. Madya Dr. Hashim Ismail, Pengarah Pusat Kajian Kecemerlangan Melayu, Universiti Malaya. Objektif utama penganjuran seminar ini adalah untuk memahami bentuk-bentuk penglibatan wanita dalam politik serta cabaran-cabaran yang dihadapi sepanjang berkecimpung dalam arena politik. Seminar ini amat penting untuk perkongsian pengalaman dan memotivasi generasi baru untuk memartabatkan wanita dalam masyarakat dan negara.



Sesi soal jawab di antara peserta forum dan ahli panel.



Sesi penyerahan cenderahati kepada salah seorang ahli panel.



Sesi Perkongsian Ilmu

Dr. Noor Ain Mat Noor

Pada 18 April 2018, Sesi Perkongsian Ilmu Siri 1/2019 telah diadakan di Bilik Mesyuarat, CITRA dari jam 10.00 -12.30 tengah hari. Sesi pada kali ini melibatkan dua orang panel iaitu Dr. Nor Liyana Mohd. Shuib (Pensyarah dari FSKTM) dengan tajuk "Proses Penyediaan Kajian Literasi dan Pencarian Jurnal" dan Dr. Muhammad Shamshinor Abdul Azzis dengan tajuk "*Mental Arith-Magic - Sempoa Xpress*". Dalam sesi pertama, Dr. Nor Liyana berkongsi kepada staf akademik mengenai proses-proses untuk menyediakan kajian literasi yang baik serta kaedah-kaedah pencarian jurnal yang sesuai dengan bidang pensyarah. Sementara bagi sesi kedua, Dr. Muhammad Shamshinor Abdul Azziz berkongsi teknik dan kaedah bagi menggunakan sempoa kepada semua staf di CITRA. Dalam sesi ini, beliau turut mendemonstrasi kaedah yang betul untuk memegang sempoa untuk mendapatkan pengiraan yang tepat.



Dr. Nor Liyana sedang berkongsi bersama warga CITRA mengenai proses penyediaan kajian literasi dan pencarian jurnal.



Dr. Muhammad Shamshinor berkongsi mengenai penggunaan sempoa dan diselangi dengan pertunjukan silap mata.

Berikutnya, pada 10 Oktober 2019, CITrA telah menganjurkan Sesi Perkongsian Ilmu, Siri 2/2019 bertempat di Bilik Mesyuarat, CITrA. Sesi pada kali ini melibatkan seramai tiga orang panel iaitu Dr. Devie Rahmawati dengan tajuk "*The Power of Persuasion Skills: How to Win People Head and Heart?*", Dr. Lim Suriady, "*Understanding the Realm of Lies*" serta Dr. Ponmalar N. Alagappar, "*Entrepreneurial Minds for Higher Education Leadership Excellence*" dan "*The Adaptation of an Organizational Climate for Sexual Harassment Questionnaire in an Academic Context*". Sesi yang bermula pada jam 9.00 pagi ini turut dihadiri oleh kakitangan akademik dan pelaksana CITrA. Program ini diakhiri pada jam 12.30 tengah hari dengan sesi soal jawab bersama panel-panel yang hadir.



Dr. Lim Suriady (kiri) dan Dr. Devie Rahmawati (kanan) sedang menyampaikan ceramah.



Sesi soal jawab di antara panel dan tetamu yang hadir.



Sesi penyampaian cenderahati oleh Dr. Rohana Mahmud (Timbalan Pengarah MPU) kepada Dr. Lim Suriady dan Dr. Devie Rahmawati.




Panel jemputan bergambar bersama sebahagian kakitangan akademik dan pelaksana CITrA.

ICDL Asia Digital Literacy Day 2019 & 2019 ICDL Asia Digital Challenge

Dr. Wong Seng Yue

ICDL Asia Digital Literacy Day 2019 telah diadakan di Panggung Eksperimen, Universiti Malaya bertarikh 12 September 2019 bersama dengan Yang Berhormat Puan Teo Nie Ching, Timbalan Menteri Pendidikan, YBhg. Datuk Ir. (Dr.) Abdul Rahim Hj. Hashim, Naib Canselor UM, YBhg. Profesor Dr. Kamila Ghazali, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UM, Encik Damien O'Sullivan, Ketua Eksekutif, ICDL Foundation, Puan Tina Wu, Pengurus Besar, ICDL Asia (Asia), Prof. Dr. Mohd. Cairul Iqbal Bin Mohd. Amin, Timbalan Pengarah, *General of Higher Education*, Kementerian Pendidikan Malaysia dan tetamu jemputan yang lain.



Yang Berbahagia Datuk Ir. (Dr.) Abdul Rahim Hj. Hashim, Naib Canselor, Universiti Malaya sedang menyampaikan ucapan.



Yang Berhormat Puan Teo Nie Ching, Timbalan Menteri Pendidikan sedang menyampaikan ucapan.

Sesi perbincangan panel pertama memfokuskan topik "Bagaimana untuk menyediakan pelajar di tempat kerja digital pada masa akan datang" yang disertai oleh YBhg. Profesor Dr. Kamila Ghazali, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Universiti Malaya, Prof. Dr. Mohd. Cairul Iqbal Bin Mohd. Amin, Timbalan Pengarah, *General of Higher Education*, Kementerian Pendidikan Malaysia, Profesor Say Sok Kwan, Naib Presiden, Pentadbiran dan Pengantarabangsaan, Tunku Abdul Rahman University College (Malaysia), Puan Leong Soo Yee, Ketua Pengarah Pasaran, ACCA (the Association of Chartered Certified Accountants), Puan Hu Weifang, Pengurus Kanan, Pendidikan Vokasional (Dewasa), Kurikulum dan Pejabat Penyelidikan (China) dan Puan Tina, Pengurus Besar, ICDL Asia.

Sesi perbincangan seterusnya pula adalah berkisar mengenai topik “Bagaimana organisasi mengatasi cabaran sumber manusia dalam ekonomi digital” yang dihadiri oleh Y.M. Raja Azura Binti Raja Mahayuddin, Pengarah Bebas, Chemical Company of Malaysia Bhd (Malaysia), Encik Chaowchai Jiemvijid, Pengerusi RMI Consulting & Management Limited (Thailand), Encik Salihin Abang, Pengasas Salihin Group (Malaysia), Encik Kevin Ryan, Pengarah Asean, Enterprise Ireland (Asia), Encik Stephen Yee, Penolong Pengarah Eksekutif, Corporate Learning and Workforce Transformation Singapore National Employers Federation (Singapore) dan Encik Syed Fairul Al-Mashoor, Pengurus ICDL Asia (Malaysia). Berikutnya, pada 11 September 2019, 2019 ICDL Asia Digital Challenge telah diadakan di The Cube, FSKTM, Universiti Malaya yang disertai oleh peserta antarabangsa dan dinilai oleh para juri.



Puan Tina Wu, Pengurus Besar, ICDL Asia (Asia) bergambar bersama para peserta dan juri di *The Cube*, FSKTM, Universiti Malaya.



Sesi pembentangan peserta antarabangsa di depan para juri bertempat di *The Cube*, FSKTM, Universiti Malaya pada 11 September 2019.



Yang Berhormat Puan Teo Nie Ching, Timbalan Menteri Pendidikan bergambar bersama tetamu kehormat.

Financial Literacy oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)

Dr. Ponmalar N. Alagappar

Pada 2, 5 dan 9 April 2019, Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) telah dijemput untuk memberi pendedahan dan penerangan mengenai asas pengurusan kewangan masa hadapan. Dalam program ini, Puan Nor Akmar Yaakub yang merupakan Ketua di Bahagian Pendidikan Kewangan, AKPK telah memberi penerangan mengenai *Financial Independence* kepada seramai 400 orang pelajar Tahun 1 dan 2, termasuklah pelajar dari Fakulti Perubatan.



Pelajar melaksanakan aktiviti.



Antara peserta program.

Sesi bermula dengan topik yang menarik iaitu “Kebebasan Kewangan” yang membincarkan mengenai asas penggunaan kredit dan pengurusan wang. Dalam sesi ini, penceramah menekankan aspek pengurusan kewangan yang penting dan dapat dicapai melalui perancangan pengurusan kewangan yang teliti terutamanya dari segi pengurusan pendapatan dan perbelanjaan. Di samping itu, dalam sesi ini juga, pelajar telah diajar enam kaedah pengurusan kewangan yang bijak. Pada akhir sesi, pelajar telah mengetahui kepentingan pengurusan kewangan yang bijak dari segi bajet, pengurusan wang dan penggunaan kredit.

International Seminar on Education and Student Empowerment (ISESE 2019)

Puan Putri Harlinda Ibrahim

Pusat Latihan *Intern* dan Pengayaan Akademik (CITrA) dan *Faculty of International Liberal Arts Studies*, Soka University Japan dengan kerjasama Pusat Penambahbaikan Akademik dan Pembangunan Kepimpinan (ADeC) serta *Centre for Research in International and Comparative Education* (CRICE) telah menganjurkan *International Seminar on Education and Student Empowerment* (ISESE) 2019 pada 27 November 2019 di Auditorium Kompleks Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi, Universiti Malaya. Penganjuran ISESE 2019 adalah bertujuan untuk memperkasakan pendidikan pelajar secara holistik yang selaras dengan perkembangan kurikulum dan kokurikulum yang memfokuskan perkembangan pelajar yang seimbang.

ISESE 2019 dirasmikan oleh Prof. Madya Dr. Wan Zuhainis binti Saad, Pengarah, Bahagian Kecemerlangan Akademik, Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia. Majlis dimulakan dengan menandatangani *Memorandum of Agreement* (MOA) antara Universiti Malaya dengan Soka University Japan. Majlis ini telah disempurnakan oleh Prof. Dr. Yong Zulina binti Zubairi, Penolong Naib Canselor (Antarabangsa), Universiti Malaya dan Prof. Dr. Laurence MacDonald, Faculty of International Liberal Arts Studies, Soka University Japan.



ISESE 2019 dirasmikan oleh Prof. Madya Dr. Wan Zuhainis binti Saad, Pengarah, Bahagian Kecemerlangan Akademik, Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Dalam pengajuran seminar ISESE 2019 ini, topik yang telah dibincangkan oleh ahli panel adalah mengenai *Redesigning Education for the Promises and Perils of 21st Century* yang dibentangkan oleh Prof. Madya Dr. Wan Zuhainis binti Saad, Pengarah, Bahagian Kecemerlangan Akademik, Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia, Prof. Dr. Yong Zulina binti Zubairi, Penolong Naib Canselor (Antarabangsa), Universiti Malaya dan Prof. Dr. Laurence MacDonald, Faculty of International Liberal Arts Studies, Soka University Japan.

Selain itu, tiga tokoh terkenal dalam bidang kepakaran masing-masing turut dijemput untuk membentangkan keynote iaitu Prof. Dr. Namrata Sharma, International Education Consultant and Adjunct Professor, State University of New York (*Pedagogical Training, Development and Concerns in Education in the 21st Century*), YBhg. Dato' Ooi Kee Beng, Pengarah Eksekutif, Penang Institute (*Technological Disruptions and Development of Holistic Education in the 21st Century*) dan Dr. Wan Chang Da, Timbalan Pengarah, National Higher Education Research Institute, Universiti Sains Malaysia (*Global Citizenship and Learner Diversity in the 21st Century*).



IDr. Wendy Yee Mei Tien, Pengarah CITrA bergambar bersama Prof. Madya Dr. Wan Zuhainis binti Saad.



Majlis menandatangani MOA antara Universiti Malaya dengan Soka University Japan. Majlis disempurnakan oleh Prof. Dr Yong Zulina binti Zubairi, Penolong Naib Canselor (Antarabangsa) dan Prof. Dr Laurence MacDonald, Faculty of International Liberal Arts Studies, Soka University Japan.

ISESE 2019 dihadiri lebih daripada 150 orang peserta daripada pelbagai sektor, antaranya adalah ahli akademik dari universiti awam dan swasta, wakil daripada industri, kementerian, guru-guru sekolah dan pihak media iaitu daripada TV3 dan Harian Metro.

Secara umumnya, seminar ISESE 2019 telah berjaya dianjurkan dan mencapai matlamat dan aspirasi dalam memperkasakan pendidikan pelajar secara holistik dalam abad ke-21. Topik kupasan ahli-ahli panel dan *keynote* boleh dijadikan sebagai satu platform yang sangat signifikan untuk berkongsi suatu perspektif yang baharu dalam bidang perkembangan dan pembangunan kurikulum dan kokurikulum.



Sesi bertajuk *Redesigning Education for the Promises and Perils of 21st Century*.



Antara peserta yang hadir semasa ISESE 2019



Peserta ISESE 2019 bergambar bersama ahli-ahli panel jemputan.



Centre for Internship Training and Academic enrichment (CITrA)
Pusat Latihan Intern dan Pengayaan Akademik
Universiti Malaya
50603, Kuala Lumpur

